

# Tanya Cikgu Naim



## SOALAN

Saya hendak tahu perbezaan perkataan sementara sebagai kata sendi nama dan kata hubung?

*Oleh: Mohammad Haziq, P5 Grace, Sekolah Rendah Geylang Methodist*

## JAWAPAN

Perkataan Sementara hanya bertugas sebagai kata hubung sahaja. Lihat ayat-ayat contoh berikut:

1. Ayah membaca akhbar **sementara** menantikan ibu berdandan di kamarnya.
2. Pembantu rumah saya berbual-bual dengan rakannya **sementara** menantikan adik keluar dari tadikanya.
3. **Sementara** padi di sawahnya masak, petani itu menanam jagung.
4. Mantan anggota Parlimen itu berniaga kecil-kecilan **sementara** mendapat kerjaya yang lumayan gajinya.

Seperti kata hubung lalu, sampai dan lain-lain, perkataan **sementara** mempunyai maksud tertentu dan perkataan tersebut tidak tergolong dalam kata hubung. Sekadar contoh:

1. Bantuan yang diagihkan kepada penduduk berpendapatan rendah itu hanya **sementara** sahaja.
2. Dia tinggal di rumah itu **sementara** sahaja.
3. Dunia ini hanya **sementara**, akhirat juga yang kekal abadi.
4. Mangsa-mangsa Tsunami yang tinggal **sementara** di perkhemahan itu akan berpindah ke rumah baharu.